

Headline	Kakitangan BMW tanam 200 pokok di FRIM		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	05 Jan 2013	Color	Black/white
Section	EKONOMI	Circulation	37,981
Page No	E4	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	68 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 155
Frequency	Daily	PR Value	RM 464



Kakitangan BMW tanam 200 pokok di FRIM

KUALA LUMPUR, Khamis — Kakitangan BMW Group Malaysia baru-baru ini menanam 200 pokok di Taman Botanical Institut Penyelidikan Hutan Malaysia (FRIM) di Kepong sebagai sebahagian daripada usaha pemuliharaan rizab hutan di Lembah Kelang.

Dalam satu kenyataan hari ini, ketua pegawai eksekutif BMW Group Malaysia Dr. Gerhard Pils

berkata kumpulan itu berada pada barisan hadapan dalam inovasi ke arah mengurangkan penggunaan bahan api dan pelepasan dengan kenderaan prestasi dipertingkatkan.

Pils berkata, di Malaysia, strategi dinamik cekap BMW EfficientDynamics telah mendorong pembuat automobil premium itu untuk memperkenalkan

sekumpulan kenderaan BMW Advanced Diesel dan BMW ActiveHybrid di negara ini.

“Bergerak menaiki rantaian kemapanan, penambahbaikan BMW EfficientDynamics untuk alam sekitar telah menjadi pemangkin kejayaan membanggakan kami sebagai pengeluar automobil premium,” tambahnya. — Bernama